

# Perkahwinan institusi penting

## Peraturan jamin penerusan perkembangan masyarakat secara teratur

B.H 14/06/08 M.S.T

Oleh Faizatul Farhana Farush Khan

**M**ASYARAKAT tempatan heboh dengan cerita mengenai seorang broker tanah di Terengganu, Abu Bakar Embong, berkahwin empat dan lebih pelik lagi ialah apabila tiga isterinya beria menyokong keinginan suami mereka untuk berkahwin satu lagi.

Kelmarin, hasrat Abu Bakar itu tercapai apabila selamat melangsungkan pernikahan dengan isteri keempat, Suhaili Alias, 25, di Bukit Payong, Marang yang turut dihadiri tiga isterinya.

Niatnya tercapai setelah Mahkamah Tinggi Syariah di Kuala Terengganu minggu lalu membenarkan permohonan beliau untuk berpoligami selepas berpuas hati dengan kemampuan kewangan dan mendengar keterangan sokongan isteri pemohon.

Abu Bakar dikurniakan 25 anak iaitu 11 lelaki dan 14 perempuan berusia antara empat bulan dan 25 tahun serta tiga cucu hasil perkongsian hidupnya dengan isteri pertama, Asnah Jusoh, 46, Mazumi dan isteri ketiga, Norazlina Ariffin, 25.



Mashitah Ibrahim



Zawiah Hassan

### INFO

#### Faktor perceraian

- Faktor suami yang menyebabkan perceraian adalah tiada persefahaman dan ia punca utama kes iaitu 69.90 peratus, masalah nafkah (23.30 peratus), tidak bertanggung jawab (18.90 peratus), panas baran (6.80 peratus), lari dari rumah (4.60 peratus), masalah kewangan (4.20 peratus) dan poligami, empat peratus.
- Dari pihak isteri, faktor tertinggi yang dicatatkan adalah tiada persefahaman iaitu 60.70 peratus, keluar rumah tanpa izin (3.70 peratus), ingkar (3.70 peratus), tidak bertanggungjawab (3.30 peratus), lari dari rumah (2.40 peratus), ada hubungan sulit (2.20 peratus) dan masalah nafkah, 1.70 peratus," katanya.

Bagaimanapun, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Mashitah Ibrahim seperti dilaporkan oleh sebuah akhbar harian kelmarin membidas golongan lelaki yang 'menunjuk-nunjuk atau bermegah' apabila berkahwin empat.

"Sekarang ini heboh diperkatakan di dada akhbar, seolah-olah berkahwin empat menjadi satu kebanggaan pula. Di pihak suami pula berasa bangga apabila semua isteri memberi persetujuan untuk berkahwin lagi, datang sama-sama ke mahkamah sambil berpegang tangan," katanya.

Dari segi Islam, ia dilihat cara hidup semula jadi manusia dan asas perkembangan masyarakat secara tersusun. Peraturan perkahwinan yang ditetapkan Islam bertujuan menjamin penerusan perkembangan masyarakat secara sihat dan teratur demi kesejahteraan ummah.

Walau apapun definisinya, perkahwinan adalah ikatan suci di antara seorang lelaki bergelar suami dan seorang wanita dipanggil isteri yang wajib dipertahankan hingga ke akhir hayat mereka.

Islam sendiri menggariskan beberapa peraturan atau hukum perkahwinan yang wajib diikuti bakal pengantin antaranya syarat berkahwin dan kursus bertujuan membekalkan ilmu menyeluruh kepada mereka bagi memastikan rumah tangga yang dibina berkekalan serta sempurna.

Sebelum keluarga dibentuk, Islam sudah menetapkan terlebih dulu pertimbangan dalam mencari pasangan bagi menjamin kesejahteraan rumah tangga.

Rasulullah SAW sendiri melarang golongan lelaki menjadikan kecantikan dan kekayaan yang dimiliki wanita sebagai ukuran penting dalam memilih bakal isteri kerana apa yang perlu diutamakan ialah memilih wanita yang berpegang kepada agama.

Larangan itu disampaikan melalui sabda Baginda yang bermaksud 'janganlah mengahwini wanita kerana kecantikan semata-mata kerana mungkin ia memburukkan hidup dan jangan mengahwini mereka kerana harta semata kerana mungkin ia menyebabkan kezaliman mereka tetapi berkahwinlah dengan mereka atas dasar agama dan seorang hamba sahaya hitam dan berbibir tebal yang beragama adalah lebih baik.'

Namun pada zaman ini, kebanyakan individu sama ada lelaki atau wanita tidak

mementingkan ciri-ciri yang ditetapkan Islam dalam mencari bakal pasangan hidup. Mereka menjadikan paras rupa dan kekayaan sebagai faktor utama untuk memilih pasangan kerana berpendapat kedua-dua perkara itu 'wajib' bagi menentukan kebahagiaan kehidupan yang akan dibina.

Ada sesetengahnya pula tidak mepedulikan latar belakang kehidupan pasangan yang ingin dikahwini atau keluarga pasangan mereka. Mungkin sikap itu menyebabkan angka perceraian di negara ini terus meningkat setiap tahun dan apa yang paling dikesali, ia membabitkan pasangan Islam.

Ini terbukti dengan kadar kes perceraian yang direkodkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) di seluruh negara, menunjukkan ia semakin meningkat dari 2005 hingga 2007 iaitu dengan jumlah keseluruhan 57,741 kes.

Ketua Penolong Pengarah Jakim, Zawiah Hassan, berkata pada 2005 kadar kes perceraian di negara ini adalah 17,749 dan ia meningkat dua tahun kemudian kepada 19,463 pada 2006 dan 20,529 (2007).

"Berdasarkan maklumat yang direkodkan, kebanyakan lelaki dan wanita bercerai

pada usia antara 31-hingga 35 tahun. Hasil kajian Jakim bagi mengetahui punca perceraian, ada 39 punca yang menyebabkan kegagalan rumah tangga yang dibina," katanya kepada *Berita Harian*.

Zawiah berkata, punca perceraian yang direkodkan Jakim mendapati bukan saja suami yang banyak menimbulkan masalah dalam perkahwinan, malah isteri turut menjadi puncanya.

"Faktor suami yang menyebabkan perceraian adalah tiada persefahaman dan ia punca utama kes iaitu 69.90 peratus, masalah nafkah (23.30 peratus), tidak bertanggungjawab (18.90 peratus), panas baran (6.80 peratus), lari dari rumah (4.60 peratus), masalah kewangan (4.20 peratus) dan poligami, empat peratus.

"Dari pihak isteri, faktor tertinggi yang dicatatkan adalah tiada persefahaman iaitu 60.70 peratus, keluar rumah tanpa izin (3.70 peratus), ingkar (3.70 peratus), tidak bertanggungjawab (3.30 peratus), lari dari rumah (2.40 peratus), ada hubungan sulit (2.20 peratus) dan masalah nafkah, 1.70 peratus," katanya.

Sehubungan peningkatan kes perceraian itu, katanya, Jakim dan jabatan agama me-

ngambil daya bentuk pendekatan bagi mengelakkannya.

Beliau berkata, kedua-dua jabatan mengambil kaedah berkonsepkan kepada pencegahan iaitu dengan menganjurkan kursus pra-perkahwinan, program Rumahku Syurgaku, seminar keibubapaan, khutbah Jumaat dan Kelas Bimbingan Fardu Ain.

"Selain itu, kami juga memperkenalkan pendekatan rawatan seperti kaunseling keluarga dan pendekatan bimbingan serta rujukan iaitu memberi nasihat serta pandangan dalam pemilihan calon suami atau isteri.

"Pada masa sama, semua pihak dalam masyarakat perlu memainkan peranan dan menjalankan tanggungjawab masing-masing dalam menangani isu ini," katanya.

Di Barat, perkahwinan difahami sebagai satu berkedudukan monogami atau duduk bersama di bawah satu bumbung di antara seorang lelaki dan seorang wanita.

Hakikatnya, perkahwinan lazimnya menyatukan dua insan, namun keadaan sebaliknya di Perancis apabila seorang wanita, Erika La Tour, 37, memilih untuk mengahwini Menara Eiffel - sebuah tarikan popular pelancong di negara Eropah berkenaan.

Malah, atas 'penyatuan' itu wanita pelik ini sanggup menukar namanya yang kini dikenali Erika La Tour Eiffel.

Akhbar *The Telegraph* pada 7 Jun lalu melaporkan Erika bukan yang pertama berkahwin dengan bangunan, sebaliknya seorang wanita Jerman, Eija-Ritta Berliner, 54, sudah 'mengahwini' Tembok Berlin sejak 29 tahun lalu.

Mengulas mengenai cinta songsang itu, Pakar Psikoterapi Amerika Syarikat, Jerry Brooker, berkata masalah yang dialami Erika dan mereka sepertinya adalah disebabkan keinginan untuk menguasai sesuatu di dalam satu-satu perhubungan.

"Mereka yang jatuh cinta dengan objek boleh menguasai hubungan itu mengikut syarat mereka sendiri," kata Brooker.

Bagaimanapun, tafsiran sebenar perkahwinan ialah hubungan terikat di antara dua insan iaitu lelaki dan wanita yang diiktiraf pihak berkuasa sivil dan dijalankan mengikut kepercayaan agama.

Perkahwinan berlaku dalam hampir setiap masyarakat dan rekod tertua menunjukkan ia adalah satu adat resam yang mantap.



**KELUARGA BAHAGIA:** Abu Bakar menyarungkan cincin perkahwinan pada jari isteri keempatnya, Suhaili Alias sambil disaksikan tiga isterinya Norazlina Ariffin (kiri), Mazumi Ismail dan Asnah Jusoh (dua dari kanan) pada majlis perkahwinan mereka, kelmarin.